

SENTRAL

Projek pembinaan hospital diuruskan UniSZA Holdings

KUALA TERENGGANU

- Projek pembinaan Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) akan diuruskan oleh UniSZA Holdings, kata Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Yahaya Ibrahim.

Beliau berkata perkara itu juga telah mendapat persetujuan dari Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang dimuktamadkan dalam satu pertemuan antara Perdana Menteri dengan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman bulan lalu.

Menurutnya, pembinaan hospital pengajar itu akan diserahkan kepada pemaju swasta yang berwibawa, yang telah bertanggungjawab membina beberapa hospital besar dan hospital pakar di negara ini seperti Hospital Putrajaya.

"Bagaimanapun, kerajaan Pusat menerusi Jabatan Kerja Raya (JKR) tetap akan memantau pembinaan projek ini bagi memastikan segalanya berjalan lancar," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Wisma Darul Iman selepas mewakili UniSZA pada majlis menandatangani MoU dengan

Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah).

Pembinaan hospital yang mempunyai 400 katil itu adalah hospital pengajar yang pertama seumpamanya di Terengganu bertujuan menyediakan kemudahan lebih baik kepada pelajar perubatan universiti tersebut untuk meningkatkan kemahiran mereka.

Ia juga bakal memberi manfaat kepada penduduk setempat di sekitar kawasan universiti untuk mendapat rawatan kesihatan yang lebih efisien serta alternatif kepada beberapa hospital awam sedia ada.

Mengulas lanjut, Yahaya berkata pembinaan hospital pengajar berkenaan akan mengambil contoh hospital terbaik di peringkat antarabangsa antaranya hospital Kanada.

"Projek pembinaan hospital pengajar di kawasan seluas 20.2 hektar di Kampus UniSZA Gong Badak ini dijangka siap menjelang akhir 2017. Pembinaan hospital ini membolehkan UniSZA menawarkan program pascasiswazah bagi melahirkan lebih ramai pakar perubatan dalam negara seterusnya memberi khidmat kesihatan kepada rakyat," katanya.